

# Kereta: Usaha sama

# Malaysia -

UM 20 MAR 1985

# - Indonesia

**J**AKARTA 19 Mac - Malaysia dan Indonesia telah bersetuju mengadakan kerjasama dalam industri kereta motor meliputi rancangan usahasama tiga pihak dengan negara-negara ketiga untuk mengeluarkan kereta dan mesin penjualan alat-alatnya antara dua negara.

**A**liana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad memberitahu di akhir lawatan kerjanya dua hari ini bahawa Presiden Suharto telah menerima cadangan Malaysia untuk mengadakan kerjasama dalam industri kereta motor semasa rundingan mereka.

Bercakap dalam satu sidang akhbar dengan para wartawan Malaysia di rumah Duta Besar Malaysia di sini petang ini beliau berkata kedua-dua mereka berpendapat adalah lebih baik usahasama dalam pengeluaran kereta itu dibuat secara tiga pihak.

"Usahasama ini melibatkan Malaysia, Indonesia dengan sebuah negara pengeluar kereta. Misalnya jika kita mahu mengeluarkan kereta Mercedes Benz kita mengadakan usahasama dengan pihak ketiga dari Jerman Barat," ujarnya.

Datuk Sri Dr. Mahathir menjelaskan melalui usahasama dalam bentuk penyertaan ekuiti ini maka kedua-dua negara dapat menimba keuntungan dan pengetahuan di samping dapat menyalurkan bahan-bahan tempatan dalam pengeluarannya.

Mengenai penjualan alat-alat kereta motor Perdana Menteri berkata, di bawah rancangan ini Malaysia mungkin membeli alat-alat dan enjin kenderaan komersial dari Indonesia manakala negara ini pula membeli alat-alat kereta Malaysia Proton Saga untuk dipasang di sini.

Datuk Sri Dr. Mahathir dan Presiden Suharto telah mengadakan rundingan pusingan kedua selama dua jam di pejabat Presiden Indonesia itu hari ini yang khusus meliputi soal-soal hubungan dua hala dan beberapa isu antarabangsa.

Perdana Menteri telah mensifatkan lawatan kerja dua harinya ke sini sangat bermakna dalam membolehkan kedua-dua negara memajukan kerjasama dua hala dan mengetahui isi hati dan pandangan masing-masing secara langsung mengenai hal-hal antarabangsa dan kepentingan bersama.

Katanya, hasil dari pertemuannya dengan Presiden Suharto beliau mendapati dalam kebanyakan hal kedua-dua negara mempunyai pandangan dan pendirian yang sama.

Di samping soal-soal hubungan dua hala kedua-dua pemimpin negara itu juga telah berbincang mengenai isu kemerosotan ekonomi dunia.

Dalam soal hubungan dua hala mereka juga telah menyentuh soal perdagangan perkapalan, kemasukan tenaga kerja Indonesia ke Malaysia dan lain-lain.

Menyentuh soal kemasukan pekerja Indonesia ke Malaysia, Datuk Sri Dr. Mahathir memberitahu Presiden Suharto sendiri bersetuju terhadap pandangannya tentang perlunya mereka yang masuk ke Malaysia mengikut saluran yang ditetapkan.